



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 14 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

kpwkm

14/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	PASANG CCTV DIPERTIMBANG JADI SYARAT PERBAHARUI LESEN TASKA	
	https://www.malaysiakini.com/news/675549	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/273630/berita/nasional/pemasangan-cctv-dipertimbang-jadi-syarat-wajib-perbaharui-lesen-taska	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemasangan-cctv-dipertimbang-jadi-syarat-wajib-perbaharui-lesen-taska-nancy-432697	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999132/pengusaha-taska-gagal-pasang-cctv-mungkin-tidak-diperbaharui-lesen	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ile3PbXD3M0	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kpwkm-pertimbang-jadikan-permasangan-cctv-syarat-wajib-perbaharui-lesen-taska-x8n6hdk	ASTROAWANI.COM
	https://www.thesundaily.my/local/cctv-installation-being-considered-as-mandatory-condition-for-childcare-centre-license-renewal-GF11362073	THESUNDAILY.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/08/942481/womens-ministry-mulls-making-cctv-mandatory-childcare-centre-licence	MALAYMAIL.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/08/13/govt-mulls-no-cctv-no-licence-renewal-for-childcare-centres/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/08/13/cctv-installation-being-considered-as-mandatory-condition-for-childcare-centre-license-renewal/85102	MALAYMAIL.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/13/cctv-being-considered-as-mandatory-for-childcare-centre-licence-renewals	THESTAR.COM.MY
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/pemasangan-cctv-dipertimbang-jadi-syarat-wajib-perbaharui-lesen-taska-FF11361958	THESUNDAILY.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1139992/taska-gagal-pasang-cctv-tidak-diperbaharui-lesen	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KPWKM Pohon Perintah Jagaan Sementara Kanak – Kanak Mangsa Dera di Johor	
	https://tvstv.my/2023/08/13/kpwkm-pohon-perintah-jagaan-sementara-kanak-kanak-mangsa-dera-di-johor/	TVSTV.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	JKM JOHOR BAHRU KESAN WARIS KANAK-KANAK 7 TAHUN MANGSA DERA	
	https://www.malaysiakini.com/news/675518	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1139848/kanak-kanak-mangsa-dera-ibu-dan-kenalan-akan-diberikan-kepada-waris-layak	BHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/08/13/jkm-johor-bahru-kesan-waris-kanak-kanak-7-tahun-mangsa-dera/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/08/942423/johor-welfare-dept-ensure-kin-can-take-care-boy-allegedly-abused-mum	NST.COM.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/08/13/johor-welfare-dept-to-ensure-seven-year-old-abuse-victim-cared-for-by-eligible-next-of-kin/85066	MALAYMAIL.COM
	https://www.thesundaily.my/local/pasir-gudang-child-abuse-case-jkm-to-ensure-victim-is-cared-for-by-eligible-next-of-kin-exco-OF11361186	THESUNDAILY.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/273557/edisi/johor/jkm-kesan-waris-kanak-kanak-mangsa-dera	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/998950/dera-anak-jkm-kenal-pihak-layak-bagi-perlindungan-sementara	HMETRO.COM.MY
	https://www.melakahariini.my/jkm-johor-bahru-kesan-waris-kanak-kanak-tujuh-tahun-mangsa-dera/	MELAKAHARIINI.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-johor-bahru-kesan-waris-kanakkanak-tujuh-tahun-mangsa-dera-432631	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/13/jkm-cari-waris-individu-layak-jaga-mangsa-dera/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2215885	BERNAMA.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=zmahltas6-U	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=mFQwI0jwvFU	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=mFQwI0jwvFU	YOUTUBE



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/8/2023

<https://www.sinarharian.com.my/article/273604/berita/semasa/buda-k-7-tahun-didera-jiran-sering-dengar-jeritan-tangisan>

SINARHARIAN.COM.MY

<https://www.youtube.com/watch?v=WNy9V5RxI0g>

YOUTUBE

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/dera-dapatkan-maklumat-waris-kanak-kanak/>

UTUSAN.COM.MY

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999104/tomboy-dakwa-mahu-mengajar-kerana-mangsa-degil-jiran>

HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	RUMAH DAIF DIDIAM I EMPAT BERANAK PERLUKAN BAIK PULIH SEGERA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/rumah-daif-didiami-empat-beranak-perlukan-baik-pulih-segera/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	WANITA MAUT TERSEPIT, KERETA TERBABAS DI BAHU JALAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/13/wanita-maut-tersepit-kereta-terbabas-di-bahu-jalan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/998962/wanita-maut-kereta-dipandu-terbabas-di-lebuhraya-persekutuan	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/wanita-maut-selepas-kereta-dipandu-terbabas/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KANAK-KANAK LEMAS MANDI SUNGAI PERAK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/273462/berita/semasa/kanak-kanak-lemas-mandi-sungai-perak	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm


14/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SANGGUP TIPU OKU TERDESAK MILIKI RUMAH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999017/sanggup-tipu-oku-terdesak-miliki-rumah	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	ZARA ZYA MASIH TERIMA GANGGUAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/273608/berita/hiburan/zara-zya-masih-terima-gangguan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/13/iklan-scam-diganggu-mesej-lucah-zara-zya-lapor-polis/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-hiburan/scam-dan-gangguan-seksual-pelakon-zara-zya-buat-laporan-polis-432658	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	SISTEM AUDIO KERETA BISING, WARGA EMAS AYUN PISAU DITAHAN	
	https://suarasarawak.my/sistem-audio-kereta-bising-warga-emas-ayun-pisau-ditahan/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	DUA BERANAK MAUT TERCAMPAK DARI HONDA CRV	
	https://www.sinarharian.com.my/article/273620/berita/semasa/dua-beranak-maut-tercampak-dari-honda-crv	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-beranak-maut-tercampak-dari-honda-crv-432694	ASTROAWANI.COM



TAJUK : IBU MAUT TERCAMPAK KELUAR DARI KERETA

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 19

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu maut tercampak keluar dari kereta

Dua beranak meninggal selepas kenderaan berpusing beberapa kali

Oleh Paya Linda Yahya
bhnews@bh.com.my

Gua Musang: Dua beranak maut apabila kenderaan dinaiki mereka terbabas di Kilometer (KM) 73 Jalan Gua Musang-Lojing, di sini, awal pagi semalam.

Kejadian berlaku pada jam 12.09 tengah malam dengan kedua-dua mangsa, iaitu Normardiah Taha, 45, yang memandu kereta dan ibunya, Fatimah Sa'aid, 67, disahkan maut di tempat kejadian.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo, berkata kejadian dipercayai berlaku apabila kereta mangsa hilang kawalan dan terbabas sehingga menyebabkan kemalangan.

"Siasatan awal mendapati



Pemandu dipercayai hilang kawalan dalam nahas di Kilometer 73 Jalan Gua Musang-Lojing, Gua Musang, awal pagi semalam. (Foto ihsan polis)

mangsa dalam perjalanan dari Ipoh, Perak menuju Kuala Terengganu.

"Apabila sampai di tempat kejadian kenderaan mangsa dipercayai hilang kawalan ketika mengambil selekoh dan terbabas ke dalam parit sebelah kiri jalan serta melanggar satu tiang elektrik.

"Kereta mangsa berpusing beberapa kali dan menyebabkan

ibunya tercampak keluar. Dua beranak itu disahkan maut di tempat kejadian," katanya melalui kenyataan semalam.


Saksi diminta tampil

Beliau berkata, kedua-dua mayat dibawa ke Unit Forensik Hospital Gua Musang untuk proses bedah siasat.

Kes disiasat mengikut Seksyen

41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 kerana memandu secara melulu sehingga menyebabkan kemalangan.

Orang ramai mempunyai maklumat kejadian boleh hubungi bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang di talian 09-9121222 atau Pegawai Penyiasat di talian 019-4742270.



TAJUK : PENDIDIKAN MAMPU HAPUS KEMISKINAN INTERGENERASI

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Sekolah berasrama beri peluang pelajar Orang Asli mendapatkan akses pendidikan dengan lebih baik. (Foto hiasan)

Pendidikan mampu hapus kemiskinan intergenerasi

Bantuan bersasar bolehkan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah tingkat keupayaan diri

Oleh Azhar Shahrulnizam
bnnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kajian pementaan kemiskinan di seluruh negara mendapati kemiskinan intergenerasi boleh berterusan sekiranya golongan berpendapatan rendah tidak mendapat pendidikan yang baik.

Kajian Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mendapati persekitaran sosial berperanan besar terhadap tahap pendidikan. Kajian Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mendapati persekitaran sosial berperanan besar terhadap tahap pendidikan.

Pengarah InsPeK, Prof Dr Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, berkata golongan berpendapatan rendah berupaya meningkatkan kemajuan diri jika diberi peluang dalam pendidikan.

"Kita lihat masyarakat Orang Asli sebagai contoh. Jika ingin keluaran mereka daripada kemiskinan, kita bawa anak Orang Asli keluar dari kampung dan tempatkan mereka di asrama.

"Ramai anak masyarakat Orang Asli yang berjaya, malah



ada yang menjadi pensyarah. Apabila mereka bergaul dengan golongan berpendapatan sederhana, minda mereka menjadi semakin terbuka," katanya.

Mengulas cadangan membuka sekolah khas untuk orang miskin, beliau berpandangan perlu ada sukatan pelajaran khas di samping kurikulum bagi membantu golongan berpendapatan rendah.

Silibus khas itu, katanya, antara lain mendidik mereka bagaimana untuk berintergrasi dengan masyarakat arus perdana.

"Ini supaya mereka tidak berfikir yang mereka tidak ada tempat kerana miskin. Kita tidak mahu mereka berasa rendah diri dan mempunyai pandangan sebegitu," katanya.

Inisiatif wajar disokong

Sementara itu, Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Ahmad Farhan Rosli, berkata Pelan Ekonomi MADANI meletakkan satu sasaran jelas berhubung hala tuju pembangunan ekonomi negara.

"Inisiatif ini wajar disokong kerana mempunyai fokus terhadap usaha meningkatkan siling pendapatan negara dan pada masa sama berusaha mengangakat struktur ekonomi rakyat



Akses pendidikan secara berterusan mampu bawa masyarakat Orang Asli keluar daripada kepompong kemiskinan. (Foto hiasan)

daripada segi pendapatan dan perlindungan sosial.

"Peluang Pendidikan harus meliputi semua lapisan warganegara. Ini adalah usaha mengupayakan pelajar untuk keluar daripada kepompong kemiskinan apabila mendapat akses pendidikan yang lebih berkualiti," katanya.

Beliau bersetuju sekiranya golongan berpendapatan rendah terus diberi perhatian lebih oleh kerajaan.

Katanya, galakan berterusan dan bantuan bersasar kepada golongan yang benar-benar memerlukan amat penting bagi memastikan kelompok sasar mendapat perkhidmatan sewajarnya.

Beliau berkata, usaha Perdana Menteri menumpukan pen-

berian biasiswa dan pendidikan sekolah berasrama penuh (SBP) kepada golongan berpendapatan rendah adalah realistik dan mampu dilaksanakan.

"Perkembangan ekonomi yang kian rancak dan ditambah dengan kedatangan pelabur, diharapkan mampu menjadi suntikan ke arah merealisasikan tujuh tumpuan lonjakan Ekonomi MADANI.

"Kerajaan pimpinan Anwar perlu memastikan elemen-takelola dan urus tadbir yang baik menjadi tonggak utama di samping meneruskan usaha membanteras rasuah bagi memulihkan ekonomi dan imej negara di mata dunia," katanya.

Suri rumah, Wahidah Bakery, 49, berkata inisiatif berkenaan akan memanfaatkan golongan sasar, manakala lebihan perun-

“Kita lihat masyarakat Orang Asli sebagai contoh. Jika ingin keluaran mereka daripada kemiskinan, kita bawa anak Orang Asli keluar dari

kampung dan tempatkan mereka di asrama”



Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, Pengarah InsPeK

“Peluang Pendidikan harus meliputi semua lapisan warganegara. Ini adalah usaha mengupayakan pelajar untuk keluar daripada kepompong kemiskinan apabila mendapat akses

pendidikan yang lebih berkualiti”



Ahmad Farhan Rosli, Presiden PKPIM

tukan boleh dipertimbangkan untuk disalurkan sebagai bantuan kepada pelajar di sekolah harian biasa.

"Ada dalam kalangan keluarga tidak mampu menghantar anak ke sekolah berasrama penuh kerana kekangan dihadapi keluarga.

"Mungkin kerajaan boleh perluaskan bantuan persekolahan seperti potongan yuran kepada keluarga tidak berkemampuan. Setakat ini bantuan RM150 sebelum bermula sesi persekolahan amat memudahkan," katanya.


Pekerja swasta, Nurul Natasya Mohd Jais, 23, berkata inisiatif itu membantu keluarga berpendapatan rendah mendapat pendidikan yang berkualiti.

"Dahulu saya ada keinginan ke asrama penuh, tetapi disebabkan masalah kewangan, saya kekal di sekolah biasa.

"Apabila kawan anak orang berada dilawat ibu bapa menaiki kereta sedangkan ibu bapa saya hanya menaiki bas, saya berasa rendah diri," katanya.

Guru tuisyen, Nurul Amira Husna Yusli, 23, berkata selain bantuan seperti biasiswa, ia boleh diluaskan kepada pelajar sekolah harian biasa kurang berkemampuan.

"Bantuan dalam bentuk baju sekolah, beg sekolah dan buku sekolah akan membantu ekonomi rakyat," katanya.



TAJUK : BARU 4 TAHUN HAFAL SURAH DIDENGARI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

VIDEO
Muhammad
Haziq
membaca
surah Al-
Baqarah
mendapat
perhatian
netizen.



Baru 4 tahun hafal surah didengari

Cyberjaya: Biar pun masih belum mahir membaca Iqra' namun usaha bapanya yang selalu memasang video mengaji dan berzikir berjaya memupuk kemahiran kanak-kanak lelaki berusia empat tahun menghafal surah yang didengari dengan lancar.

Keupayaan Muhammad Haziq Mohd Hafiz membaca surah al-Baqarah ayat satu hingga lima dengan baik menguja-

kan netizen yang kagum dengan kemahiran kanak-kanak itu.

Malah, video anak sulung daripada dua beradik itu membaca surah berkenaan mendapat komen positif orang ramai selepas bapa, Mohd Hafiz Che Hamid, 32, berkongsi di akaun TikTok miliknya.

Menurut Mohd Hafiz, anaknya masih belajar mengaji menggunakan Iqra' tahap dua namun dia akan memasang video bacaan al-Quran hampir setiap hari di saluran YouTube membuatkan anaknya suka menghafal surah didengari.

"Muhammad Haziq belum mahir membaca al-Quran dan baru belajar Iqra' tetapi

dia suka menghafal surah didengari, hafalan serta bacaannya juga baik selepas diperbetulkan dengan boleh menunjukkan ayat sambil membaca surah itu.

"Sejak dia kecil lagi saya suka pasang audio dan video bacaan al-Quran serta alunan zikir. Saya nampak dia berminat serta selalu mengulangi video itu dan mengikuti bacaan itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, kanak-kanak mudah mengingati apa yang didengari dan anaknya juga seperti itu apabila boleh meniru sebutan makhras huruf dan nada suara daripada video ditontonnya sebelum dia akan menunjukkan su-

rah itu di dalam al-Quran.

"Anak suka mengaji, tetapi biasalah kanak-kanak sekarang ini ikut mood dia tetapi setiap hari selepas solat Maghrib saya atau isteri akan mengajar Muhammad Haziq membaca Iqra'.


"Selain surah al-Baqarah ada beberapa surah lain dihafal anak seperti al-Falaq, al-Ikhlash, al-Fatihah dan an-Nas serta beberapa doa yang didengar di YouTube dan saya akan betulkan sebutan kalau ada yang salah," katanya.

Berhubung video TikToknya yang mendapat perhatian ramai Mohd Hafiz berkata, dia tiada niat mahu berbangga dengan keupayaannya menghafal anaknya itu

sebaliknya ia dikongsi di akaun media sosial untuk disimpan sebagai kenangan.

"Telefon bimbit saya tak boleh simpan banyak memori kerana saiz ruang penyimpanannya terhad. Banyak video anak yang dirakam sebab dia suka mengaji, berzikir dan menyanyikan kerana dia suka menghafal apa yang didengarnya.

"Secara tidak langsung video itu dapat sebarkan kebaikan dan menggalakkan orang membaca al-Quran. Semoga ada kebaikan untuk semua yang mendengarnya dan saya juga berterima kasih kerana banyak komen positif diterima dan sangat menghargainya biarpun tidak sempat membalas semuanya," katanya.



TAJUK : IBU, ANAK HILANG NYAWA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu, anak hilang nyawa

Gua Musang: Dua beranak maut apabila kenderaan mereka terbabas ke dalam parit dan melanggar tiang elektrik sebelum berpusing beberapa kali dalam kemalangan di Kilometer 73 Jalan Gua Musang-Lojing, di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 12.09 tengah malam, mangsa Normardiah Taha, 45, yang memandu kenderaan utiliti sukan (SUV) Honda CR-V dan ibunya, Fatimah Sa'aid, 67, maut di tempat kejadian.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo berkata, siasatan awal mendapati mangsa dalam perjalanan dari arah Ipoh, Perak ke Kuala Terengganu sebelum kenderaan dinaiki mereka terbabas.

"Apabila sampai di tempat kejadian, kenderaan mangsa dipercayai hilang kawalan ketika mengambil

selekoh dan terbabas ke dalam parit sebelah kiri jalan serta melanggar tiang elektrik.

"Kenderaan itu berpusing beberapa kali menyebabkan ibu mangsa tercampak keluar dari kenderaan. Dua beranak itu disahkan

maut di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan, di sini.

Menurutnya, mayat kedua-dua mangsa dibawa ke Unit Forensik

Hospital Gua Musang untuk bedah siasat.


Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 kerana memandu secara melulu sehingga menyebabkan kemalangan.

Orang ramai yang mempunyai maklumat kejadian boleh menyalurkannya dengan menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang di talian 09-9121222 bagi membantu siasatan.

**“
Kenderaan
berpusing beberapa
kali menyebabkan
ibu mangsa
tercampak keluar
dari kenderaan
Sik Choon Foo**



KEADAAN kenderaan yang terbabit kemalangan maut di Jalan Gua Musang-Lojing, semalam.



TAJUK : JKM KESAN WARIS MANGSA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Johor Bahru

Pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Johor Bahru sedang mengesan waris yang layak dan sesuai bagi memberi perlindungan sementara atau tetap kepada kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang dipercayai didera ibu dan rakannya di Pasir Gudang, Jumaat lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor Khairin-Nisa Ismail @ Md On berkata pihaknya sedang mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara itu bagi tujuan penilaian bagi memastikan waris tersebut layak menjaga kanak-kanak berkenaan.

Beliau berkata kanak-kanak itu kini menjalani rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI) selepas dibawa ke hospital itu, Jumaat.

"Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) juga telah menahan ibu kandung dan rakan kepada ibu kandung untuk tujuan siasatan pihak PDRM.

"Saya difahamkan bahawa kanak-kanak tersebut baru setahun bersama ibunya setelah berpindah daripada datuk dan neneknya di Pokok Sena, Kedah dan difahamkan ibu dan bapa mangsa telah bercerai," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata mangsa merupakan anak bongsu daripada dua beradik dan kakaknya berusia sembilan tahun masih tinggal di Pokok Sena bersama datuk dan neneknya.

Khairin-Nisa turut mengucapkan terima kasih serta tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, Pasukan Pelindung Kanak-Kanak dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang bekerjasama dan pantas bertindak bagi menyelamatkan kanak-kanak tersebut.

"Terima kasih juga kepada orang awam dan komuniti setempat yang peka dengan



KEADAAN belakang badan mangsa yang cedera teruk dipercayai akibat didera.

BUDAK 7 TAHUN DIDERA IBU, RAKAN

JKM kesan waris mangsa

keadaan sekeliling dan terus melaporkan ke talian kecemasan.

"Saya menyeru masyarakat untuk terus prihatin dan peka dengan sekeliling bagi menghindari kes penderaan kanak-kanak daripada berulang dengan melaporkan kes penderaan ke Balai Polis, Pejabat Kebajikan Masyarakat yang terdekat serta ketua-ketua masyarakat dan komuniti," katanya.

Selain itu, talian hotline iaitu Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam se-

hari juga disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memudahkan orang awam melaporkan kejadian penderaan, katanya.

Kelmarin, Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata ibu mangsa yang berusia 27 tahun dan rakan perempuannya warga asing berusia 30 tahun itu ditahan kerana disyaki mendera mangsa di sebuah rumah di Bandar Layang Kasa, Pasir Gudang.

Kamarul Zaman berkata ibu kanak-kanak berkenaan direman enam hari manakala rakannya direman tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Sebelum ini, tular beberapa rakaman video dan gambar yang menunjukkan orang awam menyerbu sebuah rumah, dipercayai bagi menyelamatkan kanak-kanak yang disyaki didera oleh ibu kandung dan seorang rakannya.



TAJUK :	KEDAI BISING CETUS AMUKAN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	14 OGOS 2023	M/SURAT :	20
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



SUSPEK mengamuk di tempat letak kereta dekat bangunan lot kedai di Jalan Bukit Assek, Sibu.

Oleh Melvin Joni
am@hmetro.com.my

Sibu

Polis menahan bapa dan anak lelakinya apabila mereka mengamuk dengan bersenjatakan pisau pemetong daging akibat berang dengan bunyi bising sistem audio kereta berhampiran rumah mereka, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sibu Asisten Komisioner Zulkipli Suhaili berkata, dua beranak berusia 69 dan 33 tahun itu dicekup susulan laporan polis dibuat seorang lelaki berusia 30 tahun jam 2.07 petang.

"Bertindak atas maklumat, kedua-dua suspek (bapa dan anak) ditahan di

Kedai bising cetus amukan

Polis tahan bapa, anak lelaki berang dengan bunyi sistem audio diuji di kedai aksesori kereta

rumah mereka selain polis turut merampas senjata yang digunakan suspek untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Zulkipli berkata, kejadian dipercayai berlaku jam 11.30 pagi di tempat letak kereta bangunan lot kedai di Jalan Bukit Assek di sini.

Menurutnya, punca

kejadian kerana suspek berang bunyi bising sistem audio kereta diuji di sebuah kedai aksesori yang terletak berhampiran rumah mereka, iaitu pada jarak 10 meter.

"Berlaku pertengkaran mulut antara suspek dengan beberapa lelaki iaitu pelanggan kedai aksesori. "Suspek mengutip dan

menghayunkan senjata iaitu pisau pemetong daging namun tiada kecederaan dialami mana-mana pihak," katanya memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

Katanya, pihak polis turut mengesan satu video mengenai kejadian berdurasi satu minit 46 saat yang tular di Facebook.



TAJUK : MAUT TERSEPIT KERETA TERLANGGAT BAHU JALAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Maut tersepit kereta terlanggar bahu jalan

Subang Jaya: Seorang wanita maut selepas kereta dipandunya terbabas di Kilometer 17.4 Lebuhraya Persekutuan di sini, pagi semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Wan Md Razali berkata, sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya dikerah ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan pada jam 3.38 pagi.

"Pasukan penyelamat tiba di lokasi mendapati kemalangan itu membabitkan sebuah kereta dipercayai hilang kawalan dan terbabas melanggar bahu jalan.

"Seorang wanita tempatan berusia 28 tahun tersepit dan tidak sedarkan diri berjaya dikeluarkan pa-



Seorang wanita tempatan berusia 28 tahun tersepit dan tidak sedarkan diri berjaya dikeluarkan pasukan penyelamat namun disahkan maut oleh petugas kesihatan"

Wan Md Razali

sukan penyelamat namun disahkan maut oleh petugas kesihatan," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, mayatnya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.



PASUKAN penyelamat cuba mengeluarkan mangsa yang tersepit selepas kereta yang dipandu hilang kawalan dan terbabas melanggar bahu jalan di Kilometer 17.4 Lebuhraya Persekutuan.



TAJUK : ZARA ZYA BUAT DUA LAPORAN POLIS

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Kuala Lumpur: Pelakon, Zara Zya membuat laporan polis terhadap dua individu masing-masing dengan dua kesalahan jenayah, Jumaat lalu.

Zara atau nama sebenar-

nya Zainurul Razia Mohd Zainuddin, 38, berkata, dua laporan polis yang dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam itu berkaitan dengan penyalahgunaan nama dan gambar-

nya, serta laporan mengenai gangguan seksual.

"Kedua-dua individu itu bukan orang yang sama. Laporan pertama berkaitan dengan penyalahgunaan nama dan gambar saya untuk tujuan penipuan di Facebook. Sebelum ini, perkara sama pernah berlaku, namun saya tak buat sebarang laporan polis.

"Apabila sudah terlalu kerap berlaku, saya rasa, sudah tiba masanya untuk saya ambil tindakan sebelum ada pihak yang tertipu dan menanggung kerugian.

Tambahan pula, ia mencemarkan nama serta reputasi saya sekali gus akan memberi kesan kepada banyak sudut," katanya kepada Harian Metro.

Ditanya mengenai laporan terhadap gangguan seksual, Zara berkata, dia sudah mula diganggu sejak Jun lalu orang individu tidak dikenali.

"Saya tak tahu dari mana dia dapat nombor telefon saya. Kebetulan, saya lihat senarai panggilan dan ada lebih kurang 20 panggilan tidak dijawab daripada nombor tidak dikenali. Kemudian, individu itu terus menerus menghubungi saya," katanya.



TAJUK : WOMAN, DAUGHTER KILLED IN CRASH

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Woman, daughter killed in crash

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH
GUA MUSANG
news@nst.com.my

A MOTHER, 67, and her daughter, 45, were killed after their car skidded and plunged into a drain here early yesterday.

Fatimah Sa'aid and her daughter Normardiah Taha, who was driving the car, died on the spot in the midnight incident.

Gua Musang police chief Superintendent Sik Choon Foo said the crash happened at Km73 Jalan Gua Musang-Lojing when the women were travelling from Perak to Terengganu.


"The driver was believed to have lost control of the vehicle, which skidded and rammed an electric pole before plunging into a drain.

"The mother was thrown out of the car and the daughter was pinned under the wreckage. Both died instantly."

The remains were sent to Gua Musang Hospital for a post-mortem.



The car that plunged into a drain at Km73 Jalan Gua Musang-Lojing in Gua Musang, Kelantan, yesterday. PIC COURTESY OF POLICE



TAJUK : CRASH AT JLN MUKAH-OYA LEAVES 1 DEAD, 9 INJURED

HARI : ISNIN


AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Handout photo shows one of the vehicles involved in the crash.

Crash at Jln Mukah-Oya leaves 1 dead, 9 injured

MUKAH: One person died while nine others suffered varying degrees of injuries in a collision involving two vehicles at KM7 of Jalan Mukah-Oya on Saturday night.

Mukah police chief DSP Muhamad Rizal Alias, in a statement, identified the deceased as Dimas Masri Hasnawi, 48, who was travelling with his wife and their three children aged 21, 18 and eight years old.

"The victim, who was in

the front passenger seat, was pronounced dead at the scene by medical personnel due to severe head injuries," he said.


The other car was driven by a 73-year-old man whose four passengers included two siblings aged eight and nine years, he added.

Muhamad Rizal said the body was sent to Mukah Hospital for further action, with police investigating the crash under Section 41(1) of the Road Transport Act 1987.

Meanwhile the Fire and Rescue Department, in an earlier statement, said it received an emergency call at 8.11pm and deployed a team from Mukah station to the scene.

It said rescuers used special tools to extricate the victim and two adult family members from the wreck, while the remaining seven victims were able to exit their respective vehicles on their own.

The rescue operation ended at 9.43pm.



TAJUK : EXCO: ABUSED PASIR GUDANG BOY TO BE PLACED WITH ELIGIBLE NEXT OF KIN

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Exco: Abused Pasir Gudang boy to be placed with eligible next of kin

JOHOR BAHRU: The Johor Social Welfare Department (JKM) is gathering further information on the next of kin or persons eligible and suitable to provide temporary or permanent protection to the boy, said to have been abused by his mother and friend in Pasir Gudang.

State Women, Family and Community Development Committee chairman Khairin-Nisa Ismail @ Md On said an assessment would be conducted by the Johor Bahru JKM Office to ensure that the child would be cared for by those qualified after he had been discharged from the hospital.

She said the seven-year-old boy was sent to the Sultan Ismail Hospital on Friday for treatment, and the police had arrested the mother and her friend for further investigation.

"It is understood that the child has only been living with his mother for one year after moving from his grandparents' house in Pokok Sena, Kedah.

"The victim is the younger of two siblings, and both of his parents are divorced. It is understood that his nine-year-old sister is still being cared for by their grandparents in Pokok Sena," she said in a statement yesterday.

Khairin-Nisa expressed her gratitude to the Johor JKM and the Royal Malaysia Police for taking immediate action to save the child.

It was reported that police arrested a single mother and her female friend Saturday over the alleged abuse of a seven-year-old boy in a house in Pasir Gudang.

Johor police chief Datuk Kamarul Zaman Mamat said the 27-year-old single mother and her 30-year-old friend have been remanded for investigation under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001.

Prior to that, two video clips showing several individuals confronting the woman and her friend for allegedly mistreating the boy, had gone viral on social media. — Bernama



TAJUK :	FATHER, SON ARRESTED FOR ALLEGEDLY THREATENING SHOP CUSTOMERS WITH MEAT CLEAVER		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	14 OGOS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Father, son arrested for allegedly threatening shop customers with meat cleaver

SIBU: Police have arrested a 69-year-old father and his 33-year-old son after they allegedly threatened customers at a car accessories shop, at Jalan Bukit Assek here on Saturday.

Sibu police chief ACP Zulkipli Suhaili said the incident, which occurred around 11.30am at a parking lot in front of a shophouse, was captured in a video that was later uploaded on Facebook.

"The incident was due to the suspects' dissatisfaction and anger over the noise from a car audio system being tested at the accessories shop located about 10m from their house," he said in a statement.

Zulkipli said an altercation occurred between the suspects and several men at the shop, before the elder suspect swung a meat cleaver at the group.



A screengrab of the video uploaded on Facebook shows the father and son confronting customers at the shop.

The father-son pair was arrested at their house around 4pm the same day after a police report was lodged, with police also seizing the meat cleaver as evidence, he added.

The case is being investigated under Section 506 of the Penal Code for criminal intimidation, which carries imprisonment of up to seven years or with fine or both, upon conviction.



TAJUK : NUMBER OF NON-SMOKING WOMEN AFFECTED BY LUNG CANCER RISING, SAYS SURGEON

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Number of non-smoking women affected by lung cancer rising, says surgeon

KUALA LUMPUR: Non-smoking women may be at risk of lung cancer, said Sunway Medical Centre cardiothoracic surgeon Dr Anand Sachithanandan.

He said the majority of cases still involve male smokers but the number of non-smokers who are mostly women, continues to rise.

Based on his own clinical experience, Dr Anand said 25 to 30 per cent of his lung cancer patients are non-smoking women.

"From 2012 until 2016, there were 7,686 cases in men with an age-standardised incidence rate (ASR) of 13.2 per 100,000 of the population. For the same period, there were 3,570 cases with an ASR of 5.9 per 100,000 of the population in women," he told Bernama at Sunway Medical Centre, Sunway City recently.

He said lung cancer is the most common cause of cancer death in men and second most fatal cancer in women, and that air

pollution and second-hand smoke exposure are the culprits coupled with a genetic predisposition.

"Air pollution and exposure to second-hand smoke is thought to create an inflammatory process mediated by chemical messengers called 'interleukins' that activates dormant driver mutations or pre-existing cancer-causing genes like the epidermal growth factor receptor (EGFR) mutation in some vulnerable individuals, also, having a family history of lung cancer is a significant risk factor," he said.

However, Dr Anand said tobacco smoking remains the most common and preventable risk factor for lung cancer and there is growing evidence that vaping significantly increases the risk of taking up cigarette smoking due to nicotine addiction.

"Chronic lung diseases can also cause inflammation and scarring of the lung and a cancer could arise from that

scar tissue decades later. We do not know the long-term effects of scarring from a severe Covid lung infection. Less common is exposure to radon gas or asbestos," he said.

The doctor said the usual symptoms that people should look out for as an indicator of possible lung cancer include recurrent chest infections, a persistent cough, difficulty breathing, coughing up blood (haemoptysis), chest wall or back pain, and unexplained weight loss, while less common symptoms include shoulder pain or a droopy eyelid.

"All these symptoms depend on the size and location of the tumour. Symptoms like back, chest, or bone pain, unexplained weight loss, or difficulty breathing are indicative of more advanced lung cancer," he said.

In conjunction with World Lung Cancer Day which fell on Aug 1, Dr Anand, who is also

the founding president of Lung Cancer Network Malaysia, shared that screening is essential to spot early-stage lung cancer, which can be successfully treated with curative surgery, sometimes with varying combinations of immunotherapy, targeted therapy, chemotherapy and radiotherapy.

"The gold standard of screening is low-dose computed tomography (LDCT), which is painless, accurate, and a single breath test without needles.

"However, AI (Artificial intelligence) is currently being explored to improve diagnostic accuracy and may be a useful triage tool. It is being deployed on simple chest X-rays as it is much cheaper, making it more accessible and many practitioners are using it as a pre-screening tool.

"If the AI software detects some abnormality in the lung, the person can be quickly referred

to a specialist at a private or government hospital for an LDCT. So, it is one earlier step and we hope to capture traditionally neglected populations of women and non-smokers," he said.

Dr Anand also recommends current and former smokers aged 45 to 75 who have been smoking at least one pack a day for 20 years or more, even without any symptoms and those with a family history of lung cancer, to go for screening.

"The goal of screening is to effect 'stage shift or stage migration' and pick up more cases at an earlier stage when the cancer can be treated more effectively, less invasively and more cheaply with vastly better outcomes," he said.


Dr Anand said most lung cancer patients require a multi-disciplinary approach, involving various medical specialists' expertise such as radiologists, chest physicians, thoracic

surgeons and oncologists, and multi-modal therapy to provide the best chance of a cure and long-term disease-free survival.

Furthermore, he said some (neoadjuvant) treatments are given prior to surgery to reduce the tumour size or eliminate cancer cells in nearby lymph nodes, while other (adjuvant) therapies are given after surgery to achieve local control or to eliminate microscopic disease and reduce the chances of the cancer returning.

"Treatments offered and prognosis are highly dependent on the stage. Stages 1, 2 and carefully selected cases of stage 3a and occasionally, stage 3b are best treated with surgery in combination with other therapies, with the goal of achieving a cure.

Stages 3c and 4 are typically treated without surgery, with a non-curative intent, focusing on quality of life and prolonging survival," he added. — Bernama



TAJUK : PROTECTING KIDS FROM ABUSE IN DAYCARE

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Protecting kids from abuse in daycare

CCTV installation being considered as mandatory condition for childcare centre licence renewal, says minister

SEMATAN (Sarawak): The Women, Family and Community Development Ministry is considering making the installation of closed-circuit televisions (CCTV) as a mandatory condition for renewing childcare centre licences.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the measure needs to be taken to curb cases of children being abused at these premises, even though the government has previously stipulated that CCTVs were required under the Child Care Centre Act 1984 and the Child Care Centre Regulations 2012.

"There are those who have not installed CCTVs even after being asked to comply. So we will (meet with agencies, departments and industry players today) on how to take action, such as by not renewing the licences of centres that do not install CCTVs," she said at a media conference here yesterday.

She added the installation cost should not be an issue as CCTVs are quite cheaply available.

"So we want to hear feedback and how to fine-tune this before we implement it," she added.

Nancy also said closing childcare centres linked to abuse cases needed to be studied in detail as it would impact working parents who send their children to these centres.

"We will burden other parents so we can't just close it down because of one case," she said, adding that there were 3,767 cases of children needing protection and care in the first half of this year alone.

Last Friday, she was reported to have said that her ministry was planning to enforce having CCTVs at every registered childcare centre to curb child abuse cases there.

This was following an alleged



So we will (meet with agencies, departments and industry players today) on how to take action, such as by not renewing the licences of centres that do not install CCTVs.

Datuk Seri Nancy Shukri


abuse of a child by a caretaker at a childcare centre in Kota Kinabalu which was captured on the centre's CCTV.

The footage showed the child being kicked, slapped and hit on his head with a ruler by the caretaker during meal time on Aug 8.

The caretaker was subsequently arrested and is currently on remand until Aug 17, with police investigating the case under Section 31(1) of the Child Act 2001.

The principal of the childcare centre, meanwhile, issued a public apology over the incident and announced a temporary suspension of operations.

— Bernama



TAJUK : SUPP TEAM IN VISIT TO BAWANG ASSAN FAMILIES TO GATHER FEEDBACK ON NEEDS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Lau presents the angpaw to the woman at her home. At first right is Wong.

SUPP team in visit to Bawang Assan families to gather feedback on needs

SIBU: Sarawak United People's Party (SUPP) Bawang Assan Community Development Team members visited families living across the river in the state constituency over the weekend.

Led by team head Councillor Kevin Lau, the members spoke


with the families to gather feedback on their needs, as well as foster ties with the local community.

During the visit, Lau and his team also dropped by the residence of an ailing woman at Sungai Sadit and presented her with an angpaw

to ease her financial burden.

"This visit is to live up to the SUPP spirit of care and love," he said.

Among those accompanying Lau was community leader for Empawah, Bukit Lan and Lebaan, Wong Ung.



TAJUK : NEIGHBOURS RALLY TO SAVE SEVEN-YEAR-OLD BOY FROM ABUSE

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Neighbours rally to save seven-year-old boy from abuse

By **VENESA DEVI**
and **REMAR NORDIN**
newsdesk@thestar.com.my

PASIR GUDANG: Instead of turning a deaf ear to the distant cry of a child, residents of a housing community here decided to take action.

Bandar Layangkasa community bureau (safety) member Muhammad Aslam Lan said those living near a seven-year-old boy's house often heard his wails and what sounded like whipping over the past few weeks.

"His neighbours had been hearing sounds indicating that he was

being abused. On Saturday night, his next-door neighbour saw through the windows that the boy was being hit and that was when he sounded the alarm.

"The man told me and several other neighbours what he saw. This made us very worried and we could not just leave the matter alone. We decided to head over to the boy's house to make sure he was okay," he told *The Star*.

Muhammad Aslam, 31, said the group of six people knocked on the door to the boy's house at about 10pm on Saturday to check on the situation.

"The boy was living with his

mother and her friend at the rented house. We told them our concerns, including what neighbours had heard and saw.

"We asked them to show us the boy so that we could be at ease knowing that he was not in any kind of trouble. They refused and came out with all kinds of excuses to prevent us from seeing the child.

"We called the police and that was when they reluctantly allowed us to look at the boy," he said, adding that the group stayed outside the house throughout the whole incident.

Muhammad Aslam said that

when the boy was eventually allowed to come closer, they noticed bruise marks on his hands and back.

"The police arrived not long after. We also called an ambulance to rush the boy to a hospital," he said, adding that two police reports have been filed.

The suspects, the boy's 27-year-old mother and her friend, a 30-year-old foreign woman, were arrested at about 12.30am yesterday.

Johor police chief Comm Datuk Kamarul Zaman Mamat said police also seized two rotan (canes) from the house.

He said the mother was currently under remand for six days until Aug 17 while her friend was remanded until Aug 18.

The case is being investigated under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001 for child abuse.

State women, family and community development committee chairman Khairin Nisa Ismail said the child has been sent to Hospital Sultan Ismail for treatment.

"I was made to understand that the child has only been living with his mother for one year after moving from his grandparents' home in Kedah," she said.



TAJUK :	CCTV DIPERTIMBANG SYARAT WAJIB PERBAHARUI LESEN TASKA		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	14 OGOS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

CCTV dipertimbang syarat wajib perbaharui lesen taska

KPWKM pertimbang pemasangannya sebagai syarat wajib perbaharui lesen yang perlu dilakukan setiap lima tahun

SEMATAN: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sedang mempertimbangkan untuk menjadikan pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) sebagai syarat wajib dalam proses memperbaharui lesen premis taska berdaftar yang perlu dilakukan setiap lima tahun.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, langkah penguatkuasaan itu perlu diambil bagi menangani kes penderaan kanak-kanak di premis taska meskipun kerajaan sebelum ini sudahpun mewajibkan pemasangan CCTV kepada pengusaha

taska di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.

"Bagaimanapun, ada juga di antara mereka (pengusaha taska) yang tidak memasangnya walaupun sudah diminta supaya patuhi syarat itu. Jadi kami sedang berbincang untuk ambil tindakan dengan tidak memperbaharui lesen taska yang tidak memasang CCTV," katanya pada sidang media selepas Majlis Penangguhan Pesta Sematan di sini, semalam.

Menurutnya, perbincangan berhubung perkara itu akan dilakukan melibatkan

“Bagaimanapun, ada juga di antara mereka (pengusaha taska) yang tidak memasangnya walaupun sudah diminta supaya patuhi syarat itu. Jadi kami sedang berbincang untuk ambil tindakan dengan tidak memperbaharui lesen taska yang tidak memasang CCTV.”

Datuk Seri Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

agensi, jabatan dan pemain industri yang terlibat esok (Isnin).

"Kos untuk pemasangan CCTV tidak sepatutnya menjadi isu kerana CCTV

sekarang boleh didapati dengan harga yang murah. Oleh itu, kami nak mendengar maklum balas dan bagaimana kami akan perhalusi perkara ini, se-

belum kami teruskan pelaksanaannya," katanya.

Dalam pada itu, Nancy berkata langkah untuk menutup taska yang terlibat dengan kes penderaan perlu diteliti

secara mendalam kerana ia akan turut memberi kesan kepada ibu bapa yang bekerja dan menghantar anak mereka ke taska terbabit.

"Kita akan memberi beban kepada ibu bapa (lain) jadi kita tidak boleh tutup begitu sahaja hanya kerana satu kes itu," katanya.


Pada Jumaat, menteri itu berkata KPWK merancang untuk menguatkuasakan undang-undang CCTV di setiap premis taska berdaftar bagi menangani isu penderaan kanak-kanak.

Katanya, dalam enam bulan pertama tahun ini, Malaysia mencatatkan sejumlah 3,767 kes melibatkan kanak-kanak

yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

Mengenai Pesta Sematan 2023, Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata pesta berkenaan mampu menjadikan pekan terakhir yang terletak di penghujung sebelah barat Borneo itu sebagai destinasi tarikan pelancong.

"Kawasan ini mempunyai banyak tempat menarik dan pelbagai acara yang diadakan sempena pesta ini seperti perlumbaan basikal pastinya menarik peserta dari luar Sarawak sekali gus menyumbang kepada industri pelancongan," katanya. — Bernama



TAJUK : DUA BERANAK MENGAMUK BAWA PISAU PEMOTONG DAGING DITAHAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 01

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dua beranak mengamuk bawa pisau pemotong daging ditahan

SIBU: Dua beranak ditahan selepas dipercayai mengamuk sambil membawa pisau pemotong daging di hadapan lot kedai tempat parkir kenderaan Jalan Bukit Assek, di sini sekitar jam 11.30 pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata, kedua-dua lelaki berumur 33 dan 69 tahun itu ditahan di rumah mereka sekitar jam 4 petang.

"Punca kejadian dipercayai kerana suspek berang dan tidak berpuas hati dengan bunyi bising sistem audio kereta diuji di sebuah kedai aksesori terletak berhampiran rumahnya dalam jarak lebih kurang 10 meter.

"Berlaku pertengkaran antara suspek dan anak lelakinya yang tiba kemudian dengan beberapa pelanggan kedai aksesori audio tersebut. Suspek bertindak mengugut dan menghayunkan senjata, tiada sebarang kecederaan dialami mana-mana pihak," katanya menerusi



TULAR: Satu video tular berdurasi satu minit 46 saat di laman Facebook kejadian seorang lelaki mengamuk sambil memegang sebilah pisau pemotong daging.

kenyataan media di sini semalam. Menurutnya, turut dirampas senjata digunakan untuk siasatan lanjut kes di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

"Polis menasihati orang ramai agar tidak menimbulkan sebarang spekulasi tentang kejadian itu, polis menjalankan

siasatan secara profesional berkaitan kejadian yang dilaporkan ini," jelasnya.

Terdahulu, dikesan satu video tular berdurasi satu minit 46 saat di laman Facebook tentang kejadian seorang lelaki mengamuk sambil memegang sebilah pisau pemotong daging.



TAJUK : DUA CEDERA DALAM KEMALANGAN KENDIRI DI JALAN LUNDU-SEMPADI

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 14 OGOS 2023

M/SURAT : 02

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dua cedera dalam kemalangan sendiri di Jalan Lundu-Sempadi

KUCHING: Seorang lelaki warga emas antara dua individu mengalami kecederaan selepas kereta yang dinaiki terlibat dalam kemalangan sendiri di Jalan Lundu-Sempadi, kelmarin.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak memberitahu, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian sekitar jam 6.25 petang.

Menurutnya, sebaik menerima laporan, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lundu bergegas ke lokasi.

“Setiba di lokasi mendapati sebuah kereta jenis Proton Saga FLX berada di dalam parit.

“Terdapat dua mangsa lelaki yang berada di lokasi kejadian iaitu seorang lelaki warga emas berumur 63 tahun terbaring di dalam parit manakala seorang lagi mangsa berusia 47 tahun masih dalam kenderaan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bagi membantu mangsa jelasnya, pihaknya bertindak memasang ‘cervical collar’ dan ‘upper limb splint’ pada lengan sebelah kanan mangsa yang berada di dalam kereta.

“Selain itu, anggota turut memasang ‘cervical collar’ pada mangsa lelaki warga emas,” tambahnya.

Ujarnya, kedua-dua mangsa diserahkan kepada pihak



KEMALANGAN: Bomba tiba di lokasi kemalangan bagi membantu dua mangsa yang terlibat dalam kemalangan di Jalan Sempadi-Lundu kelmarin. —Gambar Bomba

ambulans Hospital Lundu untuk tindakan selanjutnya. Turut hadir membantu di

lokasi kemalangan ialah anggota polis trafik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lundu.



TAJUK :	JKM JOHOR BAHRU KESAN WARIS KANAK-KANAK TUJUH TAHUN MANGSA DERA		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	14 OGOS 2023	M/SURAT :	10
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

JKM Johor Bahru kesan waris kanak-kanak tujuh tahun mangsa dera

JOHOR BAHRU: Pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Johor Bahru sedang mengesan waris yang layak dan sesuai bagi memberi perlindungan sementara atau tetap kepada kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang dipercayai didera ibu dan rakannya di Pasir Gudang, Jumaat lepas.

Pengerusi Jawatankua-

sa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor Khairin-Nisa Ismail @ Md On berkata, pihaknya sedang mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara itu bagi tujuan penilaian bagi memastikan waris tersebut layak menjaga kanak-kanak berkenaan.

Beliau berkata kanak-kanak itu kini menjalani

rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI) selepas dibawa ke hospital itu, Jumaat.

“Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) juga telah menahan ibu kandung dan rakan kepada ibu kandung untuk tujuan siasatan pihak PDRM.

“Saya difahamkan bahawa kanak-kanak tersebut baru setahun bersama ibunya setelah berpindah dari-

pada datuk dan neneknya di Pokok Sena, Kedah dan difahamkan ibu dan bapa mangsa telah bercerai,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata mangsa merupakan anak bongsu daripada dua beradik dan kakaknya berusia sembilan tahun masih tinggal di Pokok Sena bersama datuk dan neneknya. — Bernama



TAJUK :	KAJI TERPERINCI PERLU SEBELUM WUJUDKAN SEKOLAH KHAS PELAJAR MISKIN TEGAR		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	14 OGOS 2023	M/SURAT :	13
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Kajian terperinci perlu sebelum wujudkan sekolah khas pelajar miskin tegar

Oleh Muhammad Basir Roslan

KUALA LUMPUR: Usaha menoktahkan kemiskinan tegar khususnya dalam kalangan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) turut memberi penekanan kepada pendidikan anak-anak mereka, di samping membantu meningkatkan taraf ekonomi serta kehidupan golongan itu.

Komitmen ini jelas dengan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Sabtu lepas (5 Ogos) iaitu hasrat memperkenalkan konsep sekolah jenis baharu yang menyasarkan anak-anak keluarga paling miskin agar mereka tidak tercicir dalam bidang pendidikan.

Pada dasarnya langkah ini dilihat sangat baik, namun mencetuskan reaksi berbeza daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk pakar akademik. Antara komen yang dilontar ialah kewajarannya serta mekanisme yang akan dilaksanakan dalam memastikan matlamat yang ingin dicapai.

Paling dibimbangi ialah impak pengasingan pelajar miskin di sekolah khas dan ini yang paling banyak diutarakan pakar dan juga netizen berdasarkan hasil tinjauan di platform media sosial. Kebanyakannya kurang bersetuju dengan cadangan berkenaan kerana dilihat tidak selari dengan matlamat pendidikan yang mahu mengintegrasikan semua masyarakat tidak kira kaya, miskin dan bangsa.

Selain itu, ia dilihat sebagai permulaan mewujudkan kelas masyarakat serta ada juga yang berpandangan bahawa kerajaan sewajarnya menumpukan inisiatif menambah baik dan memperbaiki

sekolah daif sedia ada.

Oleh yang demikian, pakar berpandangan perlunya satu kajian menyeluruh dilakukan sebelum pelaksanaan sekolah khas itu direalisasikan berikutan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek sebelum ini berkata, projek rintis untuk sekolah berkenaan dijangka dapat dibuka dan beroperasi seawal tahun depan (2024).

KEPERLUAN ATAU TIDAK?

Pakar pendidikan Dr Anuar Ahmad, antaranya membangkitkan kemampuan dana kerajaan dalam menyediakan sekolah khas yang dirancang itu memandangkan jangkakan terdapat puluhan ribu pelajar anak orang miskin di negara ini.

“Biarpun saya menyokong penuh hasrat kerajaan membantu golongan miskin, namun ada beberapa perkara yang harus diteliti termasuk kemampuan kerajaan dalam menyediakannya. Berapa banyak yang perlu dibina sekolah khas ini kerana bilangan pelajar miskin ketika ini boleh mencapai puluhan ribu.

“Adakah kerajaan perlu tubuhkan puluhan sekolah khas untuk anak-anak miskin ini sedangkan peruntukan yang diberikan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Belanjawan 2023 hanya mampu membina tujuh sahaja sekolah baharu,” katanya kepada Bernama.

Beliau yang juga pensyarah di Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, tidak ada keperluan untuk sekolah khas itu diwujudkan, sebaliknya berpandangan

kerajaan boleh memperkasakan sekolah asrama harian dalam menangani isu keciciran pelajar miskin.

Menurut beliau, penubuhan sekolah asrama harian yang diperkenalkan sejak tahun 1976 dan kini terdapat sebanyak 1,494 buah, terbukti berjaya memberi pendidikan kepada anak orang miskin ke peringkat sekolah menengah sehingga menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kerana itu, beliau melihat ada keperluan kerajaan perpaduan menambah bilangan sekolah menengah biasa menjadi sekolah asrama harian khususnya di kawasan bandar yang mempunyai jumlah ramai pelajar miskin bandar.

“Memang tujuan asal penubuhan sekolah asrama harian adalah hasil daripada Laporan Keciciran Murad 1972 bagi mengatasi keciciran pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman dan miskin.

“Memperkasakan sekolah asrama harian adalah lebih praktikal dan menjimatkan kos berbanding membina sekolah baharu khusus untuk pelajar miskin. Misalnya, sekiranya sekolah asrama harian boleh memuatkan 500 pelajar, secara automatik kita dapat membantu kira-kira 750,000 murid dari golongan paling miskin,” katanya.

Walaupun begitu, beliau berkata, kerajaan perlu mengenal pasti sasaran golongan pelajar paling banyak berlaku keciciran dengan memberi penekanan kepada kumpulan itu untuk melanjutkan pengajian.

Ini memandangkan berdasar data KPM 2021, masalah keciciran paling banyak berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah khususnya mereka yang berumur 15 hingga 17 tahun. — Bernama



TAJUK :	PUSAT TUISYEN KAMI DILANCAR UNTUK PELAJAR KURANG MAMPU		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	14 OGOS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Pusat Tuisyen KAMI dilancar untuk pelajar kurang mampu

KUALA LUMPUR: Pusat Tuisyen KAMI di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Serdang, Petaling, Selangor semalam dilancarkan oleh Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang untuk menyediakan pendidikan tambahan percuma kepada pelajar kurang berkemampuan.

Kementerian Perpaduan Negara dalam kenyataan hari

ini memaklumkan inisiatif itu juga bagi membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik, memenuhi tanggungjawab sosial kementerian itu kepada masyarakat dan merealisasikan aspirasi kerajaan untuk 'Memperkasakan Rakyat' melalui pendidikan berkualiti.

Menurut kenyataan itu, tuisyen akan dilaksanakan melalui Jabatan Perpaduan

Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang digerakkan oleh KRT dengan menyasarkan pelajar calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 daripada keluarga kurang berkemampuan, berprestasi sederhana serta lemah dalam akademik.

Kenyataan itu juga menyebutkan program berkenaan akan dilaksanakan melalui Yayasan Sukarelawan Siswa

(YSS) yang menyasarkan komuniti pedalaman, asnaf dan golongan B40.

"Program ini memberi fokus kepada enam mata pelajaran teras bagi SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam.

"Ia dilaksanakan selama satu tahun. Pada enam bulan pertama, kelas tuisyen akan dijalankan berserta peman-

taan akademik, bengkel pembangunan modal insan atau pemupukan dan pembangunan. Seterusnya, Jejak Lelapan SPM akan dibuat selama enam bulan untuk memantau hala tuju pelajar dan keberhasilan program," menurut kenyataan itu.

Menurut Kementerian Perpaduan Negara, inisiatif bantuan makanan turut dilaksanakan sepanjang tuisyen itu

bagi memastikan pelajar dapat menghadiri kelas dengan selesa dan fokus tanpa perlu berulang-alik ke rumah yang akan meningkatkan kos perbelanjaan logistik mereka.

Program itu mendapat kerjasama daripada Lembaga Tabung Haji yang menyalurkan sebanyak RM500,000 untuk pelaksanaan tuisyen bagi tempoh 2023/2024, Universiti Putra Malaysia (UPM)

dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuisyen KAMI yang merupakan antara inisiatif terbaharu kementerian itu dalam 'Membangun Komuniti MADANI' turut mendapat kerjasama Perpustakaan Negara yang menyumbangkan sebanyak 500 buku dan seterusnya melancarkan Unity Library di KRT Taman Sri Serdang. — Bernama